PERPUSTAKAAN UNIVERSITI MALAYA

# FAKULTI PENDIDIKAN
# UNIVERSITI MALAYA

## Pengakuan Keaslian Penulisan

Nama Calon: ASRI BIN MANSOR

No. Pendaftaran: PGE 99059

Tajuk Kertas Projek: KEPEMIMPINAN TRANSFORMASIONAL DAN PELAKSANAAN INOVASI KURIKULUM DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH KOTA SETAR, KEDAH

Bidang Pengkhususan: KEPEMIMPINAN

Saya sahkan bahawa segala bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini adalah hasil usaha saya sendiri. Sekiranya terdapatnya hasil kerja orang lain atau pihak lain sama ada diterbitkan atau tidak (seperti buku, artikel, kertas kerja, atau bahan dalam bentuk yang lain seperti rakaman audio dan video, penerbitan elektronik atau internet) yang telah digunakan, saya telah pun merakamkan pengiktirafan terhadap sumbangan mereka melalui konvesyen akademik yang bersesuaian. Saya juga mengakui bahawa bahan yang terkandung dalam Kertas Projek ini belum lagi diterbitkan atau diserahkan untuk program atau ijazah lain di mana-mana universiti.

Tandatangan: ........................................ Tarikh: 24.02.2001

ACR-2297
INVC..nms 6/12/01

# KEPEMIMPINAN TRANSFORMASIONAL DAN PELAKSANAAN INOVASI KURIKULUM DI SEKOLAH MENENGAH DAERAH KOTA SETAR, KEDAH

**Asri Bin Mansor**

Perpustakaan Universiti Malaya
A510355350

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Kepada Institut Pengetua, Fakulti Pendidikan,Universiti Malaya Sebagai Memenuhi Sebahagian Daripada Keperluan Untuk Ijazah Sarjana Kepengetuaan**

**2001**

# ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan antara kepemimpinan transformasional pengetua dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah di daerah Kota Setar, Kedah. Kajian ini dijalankan di dua buah sekolah, iaitu sebuah sekolah berkesan dan sebuah sekolah kurang berkesan. Data bagi kajian ini dikumpul dengan menggunakan satu set soal selidik daripada 80 orang responden, yang terdiri daripada guru-guru yang telah dipilih secara rawak bebas daripada kedua-dua buah sekolah tersebut. Kepemimpinan transformasional pengetua ditentukan dengan menggunakan soal selidik Kepemimpinan Transformasional Pengetua, manakala soal selidik Pelaksanaan Inovasi Kurikulum digunakan untuk mengukur pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah. Dua kaedah statistik telah digunakan untuk menganalisis data bagi menjawab soalan kajian, iaitu kaedah deskriptif yang melibatkan kekerapan, peratusan, min, dan sisihan piawai, dan kaedah inferensi yang melibatkan korelasi Pearson dan ujian-t tak bersandar. Hasil kajian mendapati bahawa tahap kepemimpinan transformasional pengetua di sekolah menengah, sama ada di sekolah berkesan ataupun sekolah kurang berkesan adalah tinggi. Kajian juga mendapati hanya dua ciri-ciri kepemimpinan transformasional pengetua, iaitu ciri karisma dan motivasi inspirasi yang mempunyai perbezaan yang signifikan antara sekolah berkesan dengan sekolah kurang berkesan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional pengetua dan ciri-ciri stimulasi intelektual dan pertimbangan individu dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah berkesan pada tahap kekuatan hubungan yang sederhana. Sebaliknya di sekolah kurang berkesan, hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan

transformasional pengetua dan semua ciri-cirinya dengan pelaksanaan inovasi kurikulum. Secara keseluruhannya, kajian mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kepemimpinan transformasional pengetua dan ciri-ciri karisma, stimulasi intelektual, dan pertimbangan individu dengan pelaksanaan inovasi kurikulum di sekolah menengah. Kajian mencadangkan agar pihak-pihak berkuasa pendidikan seperti pejabat pendidikan daerah, jabatan pendidikan negeri, kementerian pendidikan, dan institusi-institusi pengajian tinggi dapat merancang dan melaksanakan satu program latihan yang khusus untuk melatih para pengetua dan bakal pengetua dalam bidang kepemimpinan transformasional. Pendedahan pengetahuan dan kemahiran yang secukupnya tentang inovasi kurikulum juga haruslah diberikan kepada semua pengetua dan guru-guru di sekolah.

**TRANSFORMATIONAL LEADERSHIP AND THE IMPLIMENTATION OF CURRICULUM INNOVATION IN SECONDARY SCHOOL IN THE DISTRICT OF KOTA SETAR, KEDAH.**

## ABSTRACT

The purpose of the research is to look into the relationship between the principal's transformational leadership with the implementation of curriculum innovation in secondary school in the district of Kota Setar, Kedah. This research was held in two schools, the effective and the non-effective school. The data for this research is compile by using a set of questionnaire from 80 respondents, which are teachers selected at random from the two schools. The principal's transformational leadership was determined by using the Principal Transformational Leadership questionnaire whereas the Implementation of Curriculum Innovation questionnaire was used to measure the curriculum innovation implemented in secondary school. Two statistic methods have been used to analyst the data in answering the research questions. Those are the descriptive method, which involved the frequency, percentage, min and standard deviations while the inference method, which involved the Pearson's correlation and the t-test. The result of the research shows that the degree of transformational leadership by the principal either from the effective or the non-effective school is high. Research also shows that only two transformational leadership characteristic that is the charisma and the inspirational motivation characteristic has its significant differences between the effective school and the non-effective school. It also shows that there is a significant relationship between the principal's transformational leadership and the intellectual stimulation characteristic together with the individual consideration with the implementation of curriculum innovation in school are merely moderate in term of relationship strength. On the

other hand, in the non-effective school, the research shows that no significant relationship between the transformational leadership of the principal with all the characteristics against the implementation of curriculum innovation. Overall, the research proved that there is a significant relationship between the principal's transformational leadership and the charisma characteristic, intellectual stimulation and the individual consideration with the implementation of curriculum innovation in secondary school. Research suggested that the related authorities such as the district education office, the state education department, the education ministry and the higher education institutions will plan and implement a special programme to train the principal in transformational leadership. The sufficient knowledge and skills regarding the curriculum innovation should be exposed to all principals and teachers in school.